



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA

*The National University
of Malaysia*

GARIS PANDUAN PROGRAM SIJIL PROFESIONAL VERSI 2 (2022)



Garis Panduan Program Sijil Profesional

Versi pertama 2020

Versi kedua 2022

Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum

(Pengajaran-UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM, Bangi

Selangor

Tel +603 8921 5308

Emel pghpntp@ukm.edu.my

Website <https://www.aktivukm.my/>

KANDUNGAN

1.0	Tujuan	1
2.0	Dasar dan Skop	1
3.0	Takrif	1
4.0	Kajian Pasaran	1
5.0	Kategori Penawaran Program	2
6.0	Kepakaran Staf	2
7.0	Penamaan Program	2
8.0	Jangka Masa Program	2
9.0	Pembentukan Hasil Pembelajaran	2
9.1	Hasil Pembelajaran Program	2
9.2	Hasil Pembelajaran Kursus	3
10.0	Struktur Program	3
10.1	Mod Penawaran Program	3
10.2	Jam Kredit	3
10.3	Struktur Kurikulum	3
10.4	Pelaksanaan Program	3
11.0	Pengurusan Kod Kursus	4
12.0	Syarat Kemasukan	4
12.1	Program Sedia Ada	4
12.2	Program Kurikulum Sendiri	4
13.0	Pemindahan Kredit	5
14.0	Proses Permohonan Program Sijil Profesional	5
15.0	Penganugerahan Sijil Profesional	5
16.0	Perubahan Maklumat Program	6
17.0	Implikasi Kewangan	6
	LAMPIRAN 1: Proses Permohonan Program Sijil Profesional	7
	Borang Permohonan Penawaran Program Sijil Profesional	

1.0 Tujuan

Garis panduan ini bertujuan untuk menyediakan panduan bagi membantu Pusat Tanggungjawab (PTj) mereka bentuk dan membangunkan kurikulum untuk penawaran program Sijil Profesional.

2.0 Dasar dan Skop

Sebagai sebuah Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang diberikan status swaakreditasi, UKM perlu memastikan penawaran Sijil Profesional dilaksanakan dengan baik di mana proses pembangunan penawaran program Sijil Profesional ini menepati garis panduan sedia ada.

Program Sijil Profesional tidak tertakluk sepenuhnya kepada keperluan jaminan kualiti yang ditetapkan di dalam Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) dari segi jumlah kredit minimum dan hasil pembelajaran kelayakan yang setara. Kelulusan program ini bersifat *one-off* selama lima tahun dan tidak tertakluk kepada keperluan semakan program serta proses akreditasi. Sekiranya penawarannya diteruskan dan program melepasi proses semakannya, daftar program ini akan dilanjutkan kepada tarikh baharu di dalam sistem UKM-QR seperti di dalam kelulusan Jawatankuasa Perancangan & Perkembangan Akademik (JPPA).

Program Sijil Profesional boleh ditawarkan oleh semua PTj di UKM, sama ada PTj Akademik atau PTj Perkhidmatan.

3.0 Takrif

Program Sijil Profesional merupakan program pendidikan bukan formal (*non-formal education*) berbentuk peningkatan pengetahuan dan kemahiran sedia ada yang memberi nilai tambah dalam meningkatkan tahap profesionalisme individu dalam bidang tertentu.

Program ini berbeza dengan Sijil Kemahiran Tahap 1-3 MQF yang ditawarkan secara formal oleh Institusi Pendidikan Teknikal dan Vokasional. Ianya juga berbeza dengan Sijil Profesional yang ditawarkan oleh badan profesional.

4.0 Kajian Pasaran

Pihak PTj yang ingin menawarkan program Sijil Professional perlu menjalankan kajian pasaran bagi membuktikan permintaan terhadap sijil yang ditawarkan dengan minimum 100 responden. Analisa kajian pasaran perlu dilampirkan dalam borang permohonan.

Sijil Profesional yang ditawarkan dengan kerjasama atau dengan permintaan industri tidak tertakluk kepada kajian pasaran.

5.0 Kategori Penawaran Program

Program Sijil Profesional dibangunkan berasaskan kepada dua kategori seperti berikut:

- i. Program Sijil Profesional yang berasaskan kepada program sedia ada yang telah mendapat kelulusan Senat UKM. Ia boleh digubal berdasarkan keseluruhan atau sebahagian daripada kurikulum program sedia ada.
- ii. Program Sijil Profesional yang berasaskan kepada kurikulum sendiri (*stand-alone*) yang bukan sebahagian daripada program sedia ada. Ia boleh digubal berdasarkan kepada permintaan daripada pihak industri atau agensi yang berkaitan.

6.0 Kepakaran staf

PTj perlu memastikan bahawa terdapat kepakaran dalaman yang mencukupi dan bersesuaian dalam bidang Sijil Profesional yang dipohon bagi memastikan kelestarian program Sijil Profesional yang ditawarkan. Ini untuk memastikan tiada kebergantungan kepakaran pihak luar. Permohonan berdasarkan kepada kepakaran luar sepenuhnya tidak dibenarkan.

7.0 Penamaan Program

Penamaan program hendaklah menggambarkan bidang tujahan yang selari dengan tahap profesionalisme berdasarkan kepada kurikulum sedia ada atau bidang yang ditakrifkan oleh agensi yang berkaitan. Penamaan program tidak boleh sama dengan penamaan kursus yang ditawarkan dalam program Sijil Profesional.

8.0 Jangka Masa Program

Jangka masa penawaran program mestilah selari dengan jumlah kredit yang ditawarkan. Jadual pelaksanaan perlu diterangkan secara terperinci.

9.0 Pembentukan Hasil Pembelajaran

Program ini perlu mempunyai hasil pembelajaran yang bersesuaian.

9.1 Hasil Pembelajaran Program

Pembentukan Hasil Pembelajaran Program (HPP) perlu menggambarkan matlamat umum program. Bilangan HPP hendaklah bergantung kepada program Sijil Profesional yang ingin dibangunkan.

9.2 Hasil Pembelajaran Kursus

Pembentukan Hasil Pembelajaran Kursus (HPK) berdasarkan kepada Garis Panduan Penyediaan Dokumen Program Pengajian (Pindaan 2020). HPK perlu dipetakan kepada HPP. Bilangan HPP perlu selari dengan jumlah kredit yang ditetapkan bagi setiap kursus.

10.0 Struktur Program

10.1 Mod Penawaran Program

Program Sijil Profesional boleh ditawarkan secara sepenuh masa atau separuh masa. Sekiranya ditawarkan secara separuh masa, beban pelajar separuh masa mestilah tidak melebihi 50% daripada beban pelajar sepenuh masa. Beban pelajar dikira berdasarkan jumlah kredit yang diambil pada semester tersebut atau jangka masa program.

10.2 Jam Kredit

Jumlah kredit minimum untuk program Sijil Profesional adalah 3 dan jumlah kredit maksimum adalah 20 (tertakluk kepada keperluan rakan kerjasama). Pengiraan perolehan kredit perlu disandarkan kepada kaedah pembelajaran pelajar dan aktiviti PdP yang dibangunkan

10.3 Struktur Kurikulum

- i. Struktur program Sijil Profesional boleh terdiri daripada minimum 1 kursus. Kursus yang dicadangkan perlu disediakan mengikut format proforma yang ditetapkan oleh Senat UKM.
- ii. Sekiranya program Sijil Profesional berdasarkan kepada program sedia ada, hanya satu program Sijil Profesional dibenarkan untuk program akademik tersebut.
- iii. Untuk program Sijil Profesional yang dibangunkan dengan kerjasama pihak luar, permohonan perlu disokong dengan Memorandum Persefahaman atau Memorandum Perjanjian dan penganugerahan sijil diberi oleh PTj yang memohon.

10.4 Pelaksanaan Program

- i. Pelaksanaan program Sijil Profesional boleh dilaksanakan serentak dengan minggu pengkuliahan yang ditetapkan oleh Kalendar Akademik UKM atau mengikut jadual sendiri.
- ii. Jangka masa program perlu berdasarkan kepada jumlah kredit yang ditetapkan.

11.0 Pengurusan Kod Kursus

Pembentukan kod kursus bagi program Sijil Profesional adalah seperti Jadual 1 berikut:

Contoh kod kursus: SPTT5213

Jadual 1: Pembentukan Kod Kursus Program Sijil Profesional

Contoh kod kursus	Kedudukan Kod	Tafsiran Kod
S	Huruf Pertama	Mewakili Sijil Profesional
P	Huruf Kedua	
T	Huruf Ketiga	Mewakili PTj
T	Huruf Keempat	Mewakili PTj atau kod Pusat di PTj
5	Angka Pertama	Mewakili tahap Sijil Profesional
2	Angka Kedua	Mewakili bilangan bidang/program/semester
1	Angka Ketiga	Mewakili susunan penawaran kursus
3	Angka Keempat	Mewakili kredit

12.0 Syarat Kemasukan

Bagi calon pelajar yang masih menuntut di IPT, perlu mendapatkan kelulusan daripada Dekan di fakulti.

12.1 Program Sedia ada

Syarat kemasukan bagi program sedia ada adalah tertakluk kepada:

- i. Telah berada 2 tahun dalam program pengajian semasa bagi peringkat prasiswazah.
- ii. Telah berada 1 tahun dalam program pengajian semasa bagi peringkat siswazah.
- iii. Bagi calon yang bukan berstatus pelajar, perlu mempunyai minimum sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman dalam bidang berkaitan.

12.2 Program Kurikulum Sendiri

- i. Syarat kemasukan bagi program kurikulum sendiri adalah tertakluk kepada minimum sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman dalam bidang berkaitan.

13.0 Pemindahan Kredit

- i. Pelajar yang mendapat Sijil Profesional boleh dipertimbangkan untuk pemindahan kredit melalui prosedur APEL.C¹ .
- ii. Pemindahan kredit mendatar atau menegak daripada program Sijil Profesional kepada mana-mana program selain daripada prosedur APEL.C, adalah tidak dibenarkan.
- iii. Untuk program-program yang tertakluk kepada keperluan badan profesional, pemindahan kredit melalui prosedur APEL.C adalah tertakluk kepada kebenaran badan profesional tersebut.

14.0 Proses Permohonan Program Sijil Profesional

- i. Permohonan penawaran program Sijil Profesional perlu dilakukan oleh PTj dengan melengkapkan borang permohonan termasuk penentuan kos penawaran;
- ii. Permohonan yang telah lengkap perlu dihantar kepada Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (Pengajaran-UKM) untuk pengesahan aspek jaminan kualiti;
- iii. Permohonan yang telah diluluskan oleh Pengajaran-UKM akan dihantar kepada urus setia Jawatankuasa Perancangan dan Perkembangan Akademik (JPPA) untuk kelulusan;
- iv. Semua program akan dipertimbangkan kelulusan oleh Mesyuarat JPPA dan kelulusan tersebut dimaklumkan kepada Senat UKM;
- v. Program akan didaftarkan di dalam Sistem Daftar Kelayakan UKM (UKM-QR) oleh Pengajaran-UKM.
- vi. Carta alir proses permohonan program Sijil Profesional seperti di **LAMPIRAN 1**.

15.0 Penganugerahan Sijil Profesional

- i. Pelajar akan dianugerahkan Sijil Profesional oleh PTj yang menawarkan program setelah memenuhi semua keperluan kursus.
- ii. Pelajar boleh dianugerahkan sijil kehadiran sekiranya mereka tidak memenuhi keperluan kursus.
- iii. Sijil Profesional adalah dianugerahkan oleh PTj bagi program berasaskan kepada kurikulum sendiri (*stand-alone*). Manakala, Sijil Profesional yang berasaskan program sedia ada, penganugerahan diberikan oleh Senat.

¹ Tertakluk kepada kelulusan MQA terhadap permohonan pelaksanaan APEL.C di UKM.

16.0 Perubahan Maklumat Program

Sebarang perubahan terhadap maklumat program perlu dimaklumkan kepada pihak Pengajaran-UKM dan dibawa ke JPPA untuk kelulusan.

17.0 Implikasi Kewangan

Permohonan Sijil Profesional perlu disertakan bersama perancangan kewangan. Sekiranya PTj berhasrat menawarkan program melalui UKMShape, perbincangan awal perlu dilakukan sebelum permohonan dihantar kepada Pengajaran-UKM.

LAMPIRAN 1: PROSES PERMOHONAN PROGRAM SIJIL PROFESIONAL

